

## **Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia – “Menyanjung Kepelbagaian”**

Sempena menyambut Hari Malaysia, Dong Zong menganjurkan sebuah pertandingan menulis eseи dengan tema “Menyanjung Kepelbagaian”, dengan kerjasama rakan media, Malaysiakini.

Kami berharap pertandingan ini dapat menggalakkan khalayak ramai untuk berkongsi pengalaman sendiri mengenai keindahan sifat kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat, melalui tulisan eseи yang bergambar. Ini agar kita dapat bersama-sama menghapuskan gejala rasisme dan xenofobia dalam negara pada masa ini.

Masa depan negara kita akan menjadi lebih cerah dengan penerimaan konsep kepelbagaian dalam masyarakat. Marilah kita menyanjung tinggi konsep kepelbagaian menerusi karya eseи sebagai tanda sambutan Hari Malaysia.

### **Objektif:**

1. Menyemai semangat kepelbagaian budaya dan memupuk sifat toleransi serta saling menghormati dalam masyarakat.
2. Memelihara kepelbagaian kaum dan budaya dalam negara.

Kami mengalu-alukan anda untuk menyertai pertandingan ini. Berikut merupakan syarat-syarat pertandingan:

### **1.Kelayakan:**

- Terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara.
- Kakitangan dan ahli keluarga pihak penganjur **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai pertandingan ini.

### **2.Tema:**

- Kandungan eseи perlu berdasarkan pengalaman sendiri (bukan fiksyen) dan berkaitan dengan unsur silang budaya atau interaksi pelbagai kaum yang dialami sendiri di Malaysia.

### **3.Hadiah:**

- Semua peserta yang mematuhi syarat akan diberi token penghargaan oleh pihak penganjur.

## Projek Menulis Esei Sempena Hari Malaysia – “Menyanjung Kepelbagaian”

- Pihak penganjur akan memilih beberapa pemenang yang menghasilkan karya terbaik dan akan diberi hadiah tunai istimewa serta akan dipaparkan dalam media internet-Malaysiakini.

### 4.Tarikh tutup:

- Tarikh tutup penyertaan pada **13 September 2020 (Ahad)**. Semua hasil penyertaan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup. Karya yang lewat tidak akan dipertimbangkan .

### 5.Garis panduan Esei:

- Semua karya hendaklah dihantar dalam bentuk cetak (hardcopy) atau salinan (softcopy). Untuk penyertaan yang dihantar melalui pos, hanya penyertaan di mana tarikh cap pengeposan adalah tidak lewat dari 13 September 2020 akan diterima.
- Penyertaan berbentuk tulisan tangan perlulah dalam bentuk kemas dan mudah dibaca.
- Karya dalam bentuk salinan perlu dihantar dalam bentuk PDF dan Word, menggunakan tulisan Arial saiz 1 dan langkau (spacing) 1.15.
- Peserta juga perlu menulis jumlah patah perkataan di penghujung karangan.
- Semua peserta hanya dibenarkan menghantar SATU (1) esei sahaja, sama ada dalam bentuk tulisan bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Cina. Panjang esei hendaklah antara 500 hingga 1000 patah perkataan.
- **Setiap karya perlu dilengkapi dengan gambar atau lukisan yang berkaitan.**
- Gambar dan lukisan yang berkaitan perlu ditunjukkan dalam karya dan juga e-mel Salinan (softcopy) kepada pihak penganjur.

Hantarkan esei cetak (hardcopy) anda melalui pos sila hantar kepada :

**Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia –  
“Menyanjung Kepelbagaian” (Bhgn Hal Ehwal Organisasi)  
Dong Zong  
Blok A, Lot 5, Seksyen 10,  
Jalan Bukit,  
43000 Kajang, Selangor  
Malaysia.**

Esei dalam bentuk salinan (softcopy) boleh dihantar melalui e-mel kepada :  
dzmemc@dongzong.my

Tajuk: Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia – “Menyanjung Kepelbagaian”

#### **6.Hak Cipta**

- Hasil karya perlu bersifat asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana medan media.
- Pihak pengajur memiliki segala hak cipta karya yang dihasilkan. Hasil karya asli cetak yang diterima tidak akan dipulangkan.

#### **7.Penilaian**

Pihak pengajur akan memilih beberapa karya esei terbaik .

Hasil karya esei perlu menepati tema dan syarat yang telah ditetapkan.

Semua peserta dan pemenang akan dihubungi oleh pihak pengajur untuk urusan token penghargaan dan hadiah tunai istimewa.

Pihak Malaysiakini berhak membuat perubahan pada tata bahasa atau struktur ayat, bagi esei yang dipilih untuk diterbitkan.

#### **8.Pertanyaan:**

Sila hubungi

Yap Heng Lung, E-mel: henglung\_yap@dongzong.my ,

Tel: +603 8736 2337 (Ext: 301)

Cheng Guan Hui, E-mel: guanhui\_cheng@dongzong.my ,

Tel: +603 8736 2337 (Ext: 299)